

# Tiga perkara asas tidak bebaskan pelajar, guru

**Seri Iskandar:** Kementerian Pelajaran akan memastikan tiga perkara asas iaitu keseronokan, kasih sayang dan saling menghormati menjadi asas kaedah pengajaran serta pembelajaran bagi memastikan semua pihak tidak berasakan pendidikan dan membantukan.

Menterinya, Dr Maszlee Malik, berkata proses pembelajaran sepatutnya menjadi satu perkara yang menyeronokkan dan tidak sepatutnya memberi tekanan kepada pelajar, guru serta pensyarah.

Katanya, memang ada beberapa perkara memerlukan guru dan pensyarah menanganinya dengan serius, tetapi urusan itu tidak patut berlangsung dalam suasana serta

situasi yang memberi tekanan. "Guru, pelajar dan pensyarah kini berdepan pelbagai tekanan dan kita berasakan pendidikan sebagai sesuatu yang membebaskan dan akhirnya ramai yang terjejas kesihatannya.

"Malah, ada yang sehingga membunuh diri, menjadi murung, terkejut, sakit jantung dan darah tinggi," katanya berucap pada Majlis Pengamugeraan Biasiswa Program Penajaan Pendidikan PETRONAS (PESP) di Dewan Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP), di sini, semalam.

Yang hadir sama, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Zulkiflee Wan Ariffin dan Naib Presiden Kanan Pengurusan Sumber Manusia

PETRONAS, Datuk Raiha Azmi Abdul Rahman.

Susulan itu, Maszlee berkata, Kementerian komited memastikan dalam tempoh lima tahun akan datang, sektor pendidikan akan menjadi bidang menyeronokkan untuk pelajar, guru dan pensyarah.

**Tak abai aspek kasih sayang**  
Katanya, selain itu, aspek kasih sayang juga tidak seharusnya diabaikan dalam memastikan hubungan guru, murid dan ibu bapa dapat dipertingkatkan serta diperbaiki.

"Ketika ini, hubungan antara guru dan murid dilihat semakin kurang kasih sayang, manakala guru dan ibu bapa pula penuh prejudis (prasangka), selain ibu bapa tidak lagi mempercayai guru.

"Kita akan ubah situasi murid tidak menghormati guru dan guru tidak mencintai anak murid. Kita mahu pendidikan disemarakkan dengan kasih-sayang," katanya.

Sementara itu, Wan Zulkiflee berkata, 330 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerima tajaan biasiswa PESP bernilai RM134 juta.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 162 penerima akan menyambung pengajian di luar negara dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang, kejuruteraan, perakaunan dan sains aktuari, manakala 168 lagi melanjutkan pengajian ijazah pertama di UTP.

Beliau berkata, pihaknya menerima lebih 8,000 permohonan dan 1,450 disenarai pendek untuk

menghadiri Petronas YoungStars Day (PYD).

"Hanya kira-kira empat peratus atau 330 berjaya melepasi ujian dan sesi temu duga serta ditawarkan biasiswa.

"Sejak program itu dilaksanakan 43 tahun lalu, ia memanfaatkan lebih 36,000 penerima," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini PETRONAS membelanjakan kira-kira RM3.2 bilion untuk biasiswa pelajar cemerlang SPM bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara.

"Di PETRONAS, kami percaya pelaburan dalam pendidikan dan pembangunan modal insan dapat memastikan kelestarian bekalan tenaga kerja yang terpelajar dan berkemahiran tinggi," katanya.